

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM [TAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan penstrukturan FELDA melalui cadangan Jawatankuasa Khas FELDA yang telah ditubuhkan. Sejauh mana pelan tersebut dilaksanakan dan bagaimana ia telah memberi manfaat kepada peneroka FELDA.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Laporan Pelan Pemulihan FELDA hasil daripada Pasukan Khas Untuk Menangani Isu FELDA telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2021. Pasukan khas tersebut yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar antara lain telah menggariskan 5 cadangan penyelesaian bagi menangani masalah kewangan FELDA seperti berikut:
  - (i) mengurangkan tanggungan hutang FELDA;
  - (ii) meningkatkan pendapatan teras dari tanah ladang FELDA sama ada melalui peningkatan pegangan FELDA dalam FGV Holdings Berhad (FGV);
  - (iii) meningkatkan daya berdikari dan mengurangkan jumlah pinjaman peneroka;
  - (iv) mengoptimumkan pengurusan operasi FELDA; dan
  - (v) mentransformasi pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat FELDA.
2. Susulan itu, Kerajaan telah bersetuju dengan penerbitan sukuk berjaminan Kerajaan bernilai RM9.9 bilion bagi menampung pengambilalihan FGV berjumlah RM3.9 bilion dan pengurangan hutang FELDA kepada Maybank dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) berjumlah RM6 bilion. Sehingga kini, FELDA telah menerbitkan sukuk berjaminan Kerajaan berjumlah RM2.005 bilion. Terbitan sukuk kedua bernilai RM1 bilion akan dibuat dalam tempoh

terdekat dan bakinya sebelum penghujung tahun 2021, tertakluk kepada keadaan pasaran.

3. Sehingga 10 Ogos 2021, FELDA beserta pihak yang berkepentingan sama secara kolektif (PACs) telah menguasai 81.56% pegangan saham FGV. Peningkatan pegangan saham FGV ini secara langsung meningkatkan sumber pendapatan teras FELDA. Sementara itu, FELDA juga telah menyelesaikan pinjaman dengan Maybank berjumlah RM2.005 bilion pada Mac 2021 dan dijangka penyelesaian tambahan RM1 bilion lagi sebelum penghujung tahun 2021. Melalui penyelesaian pinjaman tersebut, bayaran pinjaman tahunan dapat dikurangkan sebanyak 52% daripada RM730 juta sekarang kepada RM350 juta mulai tahun 2022.
4. Bagi meningkatkan daya berdikari dan mengurangkan jumlah pinjaman peneroka, beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan seperti berikut:
  - (i) pelarasan pinjaman peneroka (bersyarat) bagi mengurangkan beban bayaran pinjaman peneroka. Sehingga 20 Oktober 2021, 98,605 peneroka atau 87.54% daripada keseluruhan 112,638 peneroka telah menandatangani 'Perjanjian Penghapusan Pinjaman dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dan Peneroka'. Tawaran penghapusan pinjaman ini adalah berdasarkan syarat peneroka perlu menghantar hasil atau menyerahkan pengurusan kebun kepada FELDA. Peneroka yang ingin menguruskan kebun sendiri juga disyaratkan menghantar hasil kebun kepada FELDA. Melalui inisiatif ini, purata bebanan bayaran pinjaman peneroka dapat dikurangkan daripada RM800-RM1000 sebulan, kepada RM150 sebulan bagi penoreh getah, manakala RM250-RM300 sebulan bagi peneroka sawit;
  - (ii) menggunakan sistem *Smart Plantation Management Solutions* (SPMS) dalam operasi perladangan. SPMS membolehkan aspek pemetaan dirian sawit, pengurusan inventori ladang dan pemantauan terhadap tahap kesihatan tanaman dapat

dilaksanakan secara efektif, sekaligus menyumbang kepada peningkatan hasil sawit peneroka sehingga 2.9 tan/ hektar setahun, berbanding kira-kira 2.2 tan/ hektar pada masa kini; dan

- (iii) pelaksanaan Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang menyediakan geran dan pinjaman kepada peneroka dan koperasi peneroka untuk menceburi bidang pertanian atau ternakan bagi menjana pendapatan tambahan. Peserta PPP berpeluang menjana pendapatan tambahan kira-kira RM500 sebulan atau pemberian dividen kira-kira RM1,000 setahun bagi penyertaan melalui koperasi peneroka. Antara aktiviti pertanian atau ternakan yang dijalankan termasuk tanaman cili secara fertigasi, halia muda, ternakan arnab pedaging, tanaman herba, ternakan lembu pedaging dan tanaman jagung bijirin. Sehingga kini, 5,830 buah projek PPP telah dilaksanakan di kawasan FELDA seluruh negara yang memberi manfaat kepada hampir 48 ribu warga FELDA.
5. Bagi mengoptimumkan pengurusan operasi, FELDA sedang membuat kajian penstrukturan semula pengurusan ladang di 317 tanah rancangan bagi meningkatkan kecekapan operasi. Selain itu, FELDA juga telah berjaya menerbitkan penyata kewangan tahun 2020 dalam tempoh 4 bulan selepas tahun kewangan berakhir. Pencapaian tersebut amat menggalakkan berbanding tempoh 14 bulan yang diperlukan bagi menerbitkan penyata kewangan tahun 2019. FELDA menasaskan penerbitan penyata kewangan tahun 2021 dalam tempoh 2 bulan sahaja selepas tahun kewangan berakhir. Pencapaian ini merupakan salah satu usaha berterusan ke arah mentransformasi pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat FELDA.
  6. Kesemua pelaksanaan inisiatif ini dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Pelan Pemulihan FELDA yang turut dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar. Jawatankuasa ini yang bermesyuarat setiap 2 bulan akan memantau dengan teliti kemajuan

setiap inisiatif yang dilaksanakan disamping membuat perbandingan dengan amalan terbaik industri bagi menambah baik pelaksanaan insiatif.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa  
Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
Telefon : 013-346 6939